



PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI SELANGOR

**KERATAN AKHBAR
25 JULAI 2019 (KHAMIS)**



**DISEDIAKAN OLEH :
SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT**



KERATAN AKHBAR 25 JULAI 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	Nampak orang buang diesel dalam sungai
MUKA SURAT	13

Isu bekalan air di Selangor, KL tercemar

'Nampak orang buang diesel dalam sungai'

Kakitangan
KSSB dakwa lihat
kejadian ketika
tinjau kawasan

Oleh Khairul Azran Hussin
dan Norrasiyah Arshad
khalaizr@bh.com.my

Shah Alam: Seorang kakitangan Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) mengesahkan melihat beberapa individu yang bertanggungjawab menumpahkan minyak diesel di Sungai Selangor.

Beliau yang enggan dikenali, berkata kejadian berlaku antara jam 5.30 hingga 6 petang, Ahad lalu, ketika sedang meninjau keadaan di kawasan itu.

"Saya melihat seorang individu berada dalam bot manakala dua lagi berada di atas pontun. Sebaik

sahaja menyedari kehadiran saya, mereka melerakir diri," katanya kepada BH di sini, semalam.

Ditanya kenapa minyak diesel dibiarakan di pontun walaupun dikatakan ia tidak digunakan, beliau berkata, minyak itu adalah stok simpanan sekiranya pontun digunakan untuk kerja mengorek pasir.

"Pontun ini memang tidak digunakan buat masa ini. Namun, minyak yang diletakkan di pontun ini sentiasa dijaga serta ditutup. "Kita sentiasa berhati-hati kerana sedar jika berlaku tumpahan minyak walaupun sedikit, ia akan memberi kesan kepada bekalan air.

"Pihak LUAS (Lembaga Urus Air Selangor) pun selalu ingatkan berhubung isu (tumpahan minyak) ini," katanya.

Beliau turut mengesahkan polis sudah memanggilnya untuk memberi keterangan Isnin lalu.

"Saya adalah individu pertama yang buat laporan polis berhu-

bung kes ini. Keesokannya, saya sekali lagi dipanggil memberi keterangan kepada polis," katanya.

Kelmarin Ketua Polis Negara, Datuk Seri Abdul Hamid Badar berkata, polis akan menggunakan Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (SOSMA) untuk menyiasat dan mengambil tindakan terhadap pihak disyaki terbabit kes mensabotaj serta mencemarkan Sungai Selangor.

Sementara itu, polis sudah mengambil keterangan beberapa individu bagi membantu siasatan di Pontun Kawasan itu menjadi punca pencemaran Sungai Selangor.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor, Senior Asisten Komisioner Fadzil Ahmad, bagaimanapun berkata buat masa ini, pihak polis belum membuat sebarang tangkapan berhubung kes berkenaan.

"Apa yang boleh saya katakan polis sedang menjalankan siasa-



Keratan akhbar BH, semalam.

tan," katanya.

Ditanya berhubung dakwaan tiga individu yang memancing di pontun kawasan itu menjadi punca pencemaran Sungai Selangor, Fadzil berkata, pihak polis menjalankan siasatan daripada semua sudut berhubung kes itu.

Dalam perkembangan berikut, kawasan Kuala Lumpur dan Kuala Langat yang mengalami gangguan bekalan air akibat pencemaran diesel di Sungai Selangor pulih sepenuhnya pada jam 6 petang semalam.

Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Abdul Raof Ahmad berkata, pemulihan air di dua kawasan itu menjadikan keseluruhan lima kawasan pulih daripada gangguan air.

"Manakala kawasan Klang, Shah Alam dan Petaling mencapai tahap pemulihan 99 peratus. Kami menasarkan pemulihan keseluruhan kawasan sebelum 9 pagi Jumaat ini," katanya dalam satu kenyataan.



KERATAN AKHBAR 25 JULAI 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	Penduduk harap pertingkat pengawasan elak pencemaran berulang
MUKA SURAT	13

Penduduk harap pertingkat pengawasan elak pencemaran berulang

Kuala Selangor: Penduduk di kawasan Bestari Jaya, berharap pihak berkusa kerap melakukan rondaan serta mempertingkatkan pengawasan bagi mengelak kejadian pencemaran minyak diesel di Sungai Selangor, berulang.

Ini kerana wujudnya aktiviti pengorekan pasir di hilu sungai berhampiran Loji Rawatan Air (LRA) iaitu LRA Sungai Selangor Fasa 1, 2 dan 3.

Seorang pemancing Jaffry Sam Nasir, berkata sebelum ini air Sungai Selangor, khususnya di sekitar kawasan Kampung Hang Tuah, bersih dan tidak tercemar namun akibat aktiviti pengorekan pasir dan kewujudan kilang berhampiran ia sedikit sebanyak mencemarkan air.

"Saya memancing di sungai ini sejak 10 tahun lalu dan sebelum ini setiap ikan yang dapat ditangkap tidak berbau berbanding tangkapan yang saya dapat di sungai lain."

"Namun sejak kebelakangan ini ikan yang saya dapat berbau sesuatu dan melekit malah keadaan air semakin keruh dan berlumpur," katanya ketika ditemui di Sungai Selangor, Kampung Hang Tuah, Bestari Jaya.

Katanya, aktiviti memancing di sungai berkenaan tidak mengganggu alam sekitar atau loji air itu.

Malah, katanya, kumpulan pe-

mancing mampu menjadikan "penjaga" kawasan sungai daripada aktiviti pembuangan sampah atau sisa tokсид serta pengorekan pasir secara haram di kawasan berkenaan.

Penduduk lain, Zulkifli Idrus, berkata aktiviti pengorekan pasir perlu dikawal dan dipantau bagi mengelak pengendalian melaku-

kan kesilapan atau kecualian hingga boleh menyebabkan berlakunya tumpahan minyak diesel.

"Sejak saya tinggal di Bestari Jaya pada tahun 1976, air yang mengalir di Sungai Selangor sangat bersih namun selepas lebih 40 tahun inilah kali pertama berlakunya kejadian pencemaran di LRA."

"Sehubungan itu, pemantauan bukan sahaja perlu kerap dilakukan di kawasan sekitar Sungai Selangor; malah turut dibuat ke atas kilang yang mungkin menghasilkan sisa tokсид," katanya.

Penduduk yang hanya dikenali sebagai Mustafa, berkata kawasan LRA 2 itu adalah bekas lombong dan sistem penapisannya juga memerlukan pemeriksaan berjadual bagi mengelak pencemaran.

"Apa yang saya perhatikan, pencemaran di sekitar Sungai Selangor mudah berlaku, sebagai contoh apabila adanya bangkal binatang dibuang ke dalam sungai, kandungan air itu sendiri akan ter-



Jaffry ditemui ketika memancing di Sungai Selangor.

cemar dan memerlukan rawatan menyeluruh termasuk meningkatkan jumlah klorin bagi memastikan kebersihan lebih terjamin," katanya.

Berdasarkan tinjauan BH semalam, kawasan sekitar Sungai Selangor di Kampung Hang Tuah dan Kampung Sungai Darah hanya dikunjungi pemancing dan keadaan air didapati keruh dan berlumpur.

Air aliran air yang datang dari arah Rawang menuju ke muara Kuala Selangor, akan dipenuhi masuk ke muka sauk dan Stesen Mengepam Air Mentah sebelum ditapis dan diproses dan dibekalkan ke sebahagian besar penduduk kawasan berhampiran dan sekitar Lembah Klang.

Abad lalu, pencemaran minyak diesel dikesan di muka sauk LRA fasa 1, 2 dan 3 dan LRA Rantau Panjang dari sumber air mentah di Sungai Selangor.



Sejak saya tinggal di Bestari Jaya pada tahun 1976, air yang mengalir di Sungai Selangor sangat bersih namun selepas lebih 40 tahun inilah kali pertama berlakunya kejadian pencemaran di LRA.

**Zulkifli Idrus,
Penduduk**



KERATAN AKHBAR 25 JULAI 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	BERITA HARIAN
TAJUK BERITA	Ahli Majlis PBT usah bertindak sendiri
MUKA SURAT	61

Ahli Majlis PBT usah bertindak sendiri

Rujuk pejabat awam sebelum ambil tindakan lanjut isu penguatkuasaan

Oleh Syalikha Sazili
syalikha@bh.com.my

Subang Jaya: Ahli Majlis pihak berkuasa tempatan (PBT) diingat supaya tidak bertindak sendiri terhadap isu penguatkuasaan.

Timbalan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Mohd Zulkurnain Che Ali, berkata

tugas ahli majlis ini sebagai pembuat dasar namun sekiranya terdapat isu penguatkuasaan mereka perlu rujuk kepada pejabat awam untuk tindakan selanjutnya.

"PBT ada banyak jabatan dan kad kuasa masing-masing justeru ahli majlis tidak boleh sewenang-wenangnya mengambil tindakan untuk saman atau menge-



Yang Dipertua MPSJ, Noraini Roslan mempengerusikan mesyuarat di ibu Pejabat MPSJ, Subang Jaya, semalam.
(Foto Amirudin Sahib/BH)

luarkan kompaun.

"Setiap jabatan ada kuasa tertentu, namun kuasa ini tiada pada ahli majlis. Mereka ini memang rajin tetapi kadangkala terlebih, 'over acting' walhal bukan kuasa dia pun."

"Jalan terbaik adalah mereka bersama pihak penguat kuasa membuat operasi bersetujuan untuk membuat sebarang tindakan," katanya kepada media selepas menghadiri mesyuarat penuh MPSJ, di sini semalam.

Bagaimanapun Mohd Zulkurnain berkata, tiada kes dilaporkan membabitkan perkara itu.

"Ini adalah lontaran idea saja supaya ahli majlis berhati-hati ketika menjalankan tugas di tapak," katanya.



KERATAN AKHBAR 25 JULAI 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	Seorang di bot, dua atas pontun
MUKA SURAT	12

'Seorang di bot, dua atas pontun'

■ Kakitangan KSSB sahkan lihat individu tumpahkan minyak diesel di Sungai Selangor

Khairul Azran Hussin
am@hmetro.com.my

Shah Alam

Seorang kakitangan Kumpulan Semesta Sdn Bhd (KSSB) mengesahkan melihat beberapa individu yang bertanggungjawab menumpahkan minyak diesel di Sungai Selangor.

“Dia yang enggan dikenali berkata, kejadian itu berlaku antara jam 5.30 hingga 6 petang. Ahad lalu, ketika sedang meninjau keadaan di kawasan itu.

“Saya melihat seorang individu berada dalam bot ma-nakala dua lagi di atas pontun. Sebaik menyedari kehadiran saya, mereka melerikan diri, katanya, semalam.

Ditanya kenapa minyak diesel dibiarakan di pontun walaupun tidak digunakan, dia berkata, minyak itu adalah stok simpanan jika pontun digunakan untuk pengorekan pasir.

“Pontun ini memang tidak digunakan buat masa ini. Namun, minyak yang dile-takkan di pontun ini sentiasa dijaga serta ditutup.

“Kita sentiasa berhati-hati kerana sedar jika berlaku



SUNGAI Selangor yang menjadi sumber utama air minuman terus dicemari sampah sarap.

tumpahan minyak wa-lapun sedikit, ia akan memberi kesan kepada be-kalan air.

“Pihak LUAS (Lembaga Urus Air Selangor) pun se-lalu ingatkan berhubung isu (tumpahan minyak)

ini,” katanya.

Mengulas lanjut, katanya,

pada Isnin lalu.

“Saya adalah individu pertama yang buat laporan polis berhubung kes ini.

“Keesokannya saya sekali lagi dipanggil memberi ke-terangan kepada polis,” ka-tanya.



KERATAN AKHBAR 25 JULAI 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	Bekalan air di lima wilayah pulih sepenuhnya
MUKA SURAT	12

Bekalan air di lima wilayah pulih sepenuhnya

Shah Alam: Bekalan air di lima wilayah iaitu Gombak, Hulu Selangor, Kuala Selangor, Kuala Lumpur dan Kuala Langat sudah pulih sepenuhnya manakala dua kawasan lagi masih dalam proses pemulihan.

Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd, Abdul Raof Ahmad berkata, sehingga jam 6 petang semalam, peratus pemulihan bekalan air berdasarkan jumlah akaun berdaftar berada pada tahap 99 peratus.

"Lima wilayah sudah pulih sepenuhnya, manakala dua wilayah lagi iaitu Klang dan Shah Alam serta Petaling dalam proses pemulihan, masing-masing berada pada tahap 99 peratus.

"Air Selangor mensasarkan proses pemulihan keseluruhan kawasan adalah

pada jam 9 pagi, Jumaat ini," katanya dalam satu kenyataan, di sini, semalam.

Abdul Raof berkata, lori tangki masih digerakkan ke kawasan terjejas dan pengguna di lokasi yang sudah pulih gangguan bekalan diminta menggunakan air dengan berhemah.

Katanya, pengguna juga boleh mendapatkan maklumat dan status terkini gangguan bekalan air melalui aplikasi Air Selangor pada telefon pintar atau menerusi laman sesawang www.syabas.com.my, Facebook 'Air Selangor' dan Twitter @air_selangor.

Ahad lalu, pencemaran diesel di Sungai Selangor mengakibatkan empat LRA iaitu LRA Sungai Selangor Fasa 1, 2, 3 dan LRA Rantau Panjang terpaksa dihenti tugas.



KERATAN AKHBAR 25 JULAI 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK BERITA	Polis belum buat sebarang tangkapan
MUKA SURAT	12

Polis belum buat sebarang tangkapan

Shah Alam: Polis sudah mengambil keterangan beberapa individu bagi membantu siasatan dakwaan sabotaj serta mencemarkan Sungai Selangor.

Bagaimanapun, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Selangor, Senior Asisten Komisioner Fadzil Ahmat berkata, buat masa ini, polis belum membuat sebarang tangkapan berhubung kes berkenaan.

"Apa yang boleh saya katkan polis sedang menjalankan siasatan...Siasatan masih dilakukan," katanya, semalam.

Ditanya berhubung dakwaan tiga individu yang memancing di pontun kawasan itu menjadi punca pencemaran Sungai Selangor, Fadzil berkata, polis menjalankan siasatan daripada semua sudut berhubung kes itu.

"Saya sekali lagi menegas-

kan polis sedang menjalankan siasatan...Kami sedang siasat," katanya.

Istimewa lalu, Ketua Polis Negara, Datuk Seri Abdul Hamid Bador dipetik ber-

kata, polis akan menggunakan Akta Keselahan Keselemanan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) untuk menyiasat dan mengambil tindakan terhadap pihak disyaki terbabit kes mensabotaj serta mencemarkan Sungai Selangor.

Noor Azam dipetik ber-

kata, berdasarkan laporan polis yang dibuat KSSB, mereka mendakwa ada tiga pemancing di kawasan pontun

itu beberapa hari sebelum pencemaran berlaku.

Kelmanin lalu, Ketua Polis Ne-

gara, Datuk Seri Abdul Hamid Bador dipetik ber-

kata, kes itu perlu

disiasat dengan undang-undang paling tegas kerana ia membabitkan kepentingan awam.



Saya sekali lagi menegaskan polis sedang menjalankan siasatan...Kami sedang siasat

Fadzil Ahmat



AKHBAR	THE SUN
TAJUK BERITA	Some in Selangor still without water
MUKA SURAT	4

Some in Selangor still without water

THE SUN
(4)

► Supply disruption since Sunday to be restored 'as soon as possible': Syabas

■ BY ALISHA NUR MOHD NOOR
newsdesk@thesundaily.com

PETALING JAYA: In Selangor, consumers in three districts – Gombak, Hulu Selangor and Kuala Selangor – had their water supply fully restored by noon yesterday.

Supply was also being restored in stages in other affected areas, according to the head of customer relationship and communications at Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas), Abdul

Raof Ahmad.

A total of 99% of consumers in Kuala Lumpur, Kuala Langat, Petaling, Shah Alam and Klang had their supply restored as of 6pm yesterday.

That means most of the consumers affected by the unscheduled cut that hit several districts in the state on Sunday, already have their water supply restored.

Abdul Raof said Syabas hoped to restore supply to all consumers by 9am tomorrow, a day earlier than originally planned.

"We apologise for the inconvenience caused to consumers and we are putting all efforts to help expedite full restoration to all affected areas as soon as possible," he said.

Consumers who have yet to receive full supply can get water from water tankers at local service centres in Petaling, Klang and Kuala Lumpur.

A total of 1,222 areas in Kuala Lumpur, Petaling, Klang, Shah Alam, Kuala Selangor, Ulu Selangor, Gombak and Kuala Langat were hit by the water cut when four treatment plants had to be shut down after 100 litres of diesel was spilled into Sungai Selangor.

It was the second water cut in three days.

In an earlier incident last Friday, oil-based discharge from a car workshop and an industrial area left more than a million people without water.

Supply to the affected areas were fully restored on Sunday, just hours before the second water cut hit.

Meanwhile in Johor, maintenance works will be carried out at the Sungai Johor water treatment plant on Tuesday.

As a result, water supply to more than 50 areas will be disrupted for at least a day.



KERATAN AKHBAR 25 JULAI 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Hantu air berpindah ke Selangor
MUKA SURAT	16

Hantu air berpindah ke Selangor

SINAR HARIAN
(16)



Dari
Menara KL

DATUK ABDUL JALIL ALI

abd.jalil@sinarhalian.com.my

Memang sesuatu yang membimbangkan – sebenarnya mengerikan! – bahawa ada pihak tidak bertanggungjawab mensabotaj bekalan air di Selangor.

Menurut polis, seperti yang dilaporkan media, sebanyak 100 liter minyak diesel ditumpahkan untuk mememarkan air di negeri termaju itu.

Kebimbangan umum ialah sekiranya diesel boleh dengan mudah dicurahkan dalam takungan, apakah tidak mungkin bahan-bahan lain yang lebih berbahaya juga akan mengotorkan air kita?

Apa akan terjadi sekiranya satu hari nanti ada perbuatan khianat yang lebih serius, misalnya dengan mencurahkan racun ke dalam bekalan air minuman kita?

Bayangkan sekiranya kita semua – termasuk kanak-kanak – minum air beracun. Sabotaj seperti ini memang mengerikan dan mungkin berulang.

Hampir seminggu setelah sabotaj yang menyebabkan gangguan bekalan air di beberapa kawasan terlibat, pihak berkuasa masih belum menangkap pengkhianat tersebut.

Kalau sudah diketahui ada sabotaj, carilah segera si pengkhianat supaya sabotaj yang lebih teruk dan memudaratkan dapat dielakkan.

Segalanya bermula apabila pada 12 Julai lalu, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) membuat laporan polis mengenai dua kejadian pencemaran terhadap sumber air mentah di Sungai Selangor.

Pencemaran tersebut mengakibatkan penutupan Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1, 2 dan 3 serta Loji Rawatan Air Rantau Panjang.

Penutupan tersebut menyebabkan gangguan bekalan air kepada lima juta pengguna di sekitar Selangor dan Kuala Lumpur. Alangkah peritnya kehidupan apabila air sebagai sumber terpenting sering terganggu bekalan.

Menurut polis, ada dua tiga orang memancing di sungai berhampiran loji. Petugas di loji berkenaan telah meminta mereka memancing di tempat lain, tetapi tidak dipedulikan.

Hanya setelah beberapa kali didebak, barulah pemancing berkenaan beredar. Kemudian barulah dikesan ada tumpahan diesel di loji berkenaan.

Polis tidak mengesahkan, tetapi tidak pula menolak kemungkinan bahawa limpahan diesel tersebut adalah angka pernancing berkenaan.

Polis menganggap sabotaj bekalan air adalah satu jenayah yang serius dan akan mengambil tindakan tegas berdasarkan peruntukan undang-undang paling keras terhadap mana-mana pihak yang terlibat.

Ketua Polis Negara, Datuk Seri Abdul Hamid Bador menegaskan pihaknya akan menangkap suspek yang berkenaan di bawah Akta Kesalamatan Keselamatan (Langkah-langkah Khas) 2012 (Sosma).

"Kami akan gunakan apa sahaja undang-undang paling serius... (suspek) boleh ditangkap di bawah Sosma dan didakwa di bawah undang-undang paling serius," katanya.

Ketegesan Abdul Hamid dalam isu air di Selangor ini memang melegakan orang ramai, tetapi selagi pensabotaj @ pengkhianat belum ditangkap dan dihukum, kebimbangan masih terus menghantui umum.

Lebih-lebih lagi pencemaran sungai terjadi bukan sahaja di Selangor malah di negeri lain di seluruh negara. Semua orang tahu sejak sekian lama sungai kita telah dikotori oleh 1,001 macam bahan berbahaya.

Penebangan hutan yang tidak terkawal, penarahan bukit yang tidak mengikut peraturan dan sekian banyak projek pembangunan yang tidak cakna alam adalah antara penyumbang pencemaran sungai.

Telah terbukti ada pihak berkuasa dan agensi-agensi berkenaan sengaja membuatkan mata dan memekakkan telinga, macam tidak tahu apa-apa, pada hal beribu hektar hutan kita di teroka secara haram.

Pelik, beratus hektar hutan ditebang pada siang hari, balak diangkat secara haram di depan mata, tetapi pihak berkuasa tidak nampak. Bukan mata, tetapi hatinya yang buta!

Sebelum kes Sungai Selangor dicemari, baru beberapa bulan lalu, Sungai Kim-Kim di Johor juga dicemari mengakibatkan beratus sekolah terpaksa ditutup, beribu murid terjejas kesihatan.

Sungai berkenaan disahkan tercemar oleh sisa-sisa toksik angkara beratus kilang – termasuk yang haram – beroperasi di kawasan berkenaan.

Seperi biasa apabila terjadi kecelakaan pihak berkuasa akan mengeluarkan kenyataan berdegar-degar untuk mengambil tindakan tegas dan menjaki suspek hingga ke lubang cacing.

Dalam kes di Johor, setakat ini hanya dua pemilik kilang yang diambil tindakan, yang lain selamat sebab pihak berkuasa gagal mengesan ke lubang cacing dan hanya dapat tahi cacing.

Harap ketegesan pihak berkuasa betul-betul terjadi di Selangor. Tangkap cacing, bukan hanya cuci tahi cacing!

*Datuk Abdul Jalil Ali ialah Penasihat Eksekutif Editorial Sinar Harian. Beliau juga merupakan Profesor Adjung di Universiti Malaysia Sabah (UMS)



KERATAN AKHBAR 25 JULAI 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Mural tempat bersejarah hiasi dinding GM Klang
MUKA SURAT	34

Mural tempat bersejarah hiasi dinding GM Klang

SINAR HARIAN (34)

KLANG - Mural memaparkan tempat bersejarah di daerah itu yang dihasilkan oleh 70 mahasiswa Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka Universiti Teknologi Mara (UiTM) menghiasi dinding Blok C, pusat pemborong GM Klang di sini.

Dekan fakulti tersebut, Prof Dr Ruslan Abdul Rahim berkata, projek usahasama UiTM dengan GM Klang bermula Februari lalu dan siap baru-baru ini.

Menurutnya, mural sepanjang kira-kira 76.2 meter itu dihasilkan sendiri oleh mahasiswa Jabatan Seni Reka Perindustrian dengan bimbingan lima orang pensyarah.

"Beberapa cadangan telah disusulkan kepada GM Klang sebelum persetujuan dicapai untuk menghasilkan mural berkONSEP tempat bersejarah dengan kos dianggarkan RM40,000.

"Ini adalah salah satu pembelajaran luar kelas melibatkan mahasiswa dengan komuniti dan persediaan awal mereka masuk ke pasaran kerja," katanya pada Majlis Pelancaran Heritage X-plore GM Klang kelmarin.

Perasmiannya disempurnakan oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang (MPK), Datuk Mohamad Yasid Bidin.

Turut hadir, Pengarah Urusan GM Klang, Datuk Lim Seng Kok.



Dari kiri: Seng Kok, Mohamad Yasid dan Prof Dr Ruslan pada pelancaran Heritage X-plore GM Klang.



KERATAN AKHBAR 25 JULAI 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Bekalan air di Selangor dijangka pulih sepenuhnya esok
MUKA SURAT	34

Bekalan air di Selangor dijangka pulih sepenuhnya esok

SINAR HARIAN (34)

SHAH ALAM - Gangguan bekalan air di tujuh wilayah yang disebabkan oleh pencemaran diesel di Sungai Selangor Ahad lalu dijangka pulih sepenuhnya esok.

Ketua Jabatan Perhubungan Pelanggan dan Komunikasi Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor), Abdul Raof Ahmad berkata, setakat ini bekalan air di Gombak, Hulu Selangor dan Kuala Selangor sudah pulih sepenuhnya.

Menurutnya, hanya pengguna di sebahagian kawasan di Kuala Lumpur, Kuala Langat, Petaling dan Klang/Shah Alam masih belum menerima bekalan kembali.

Bagaimanapun, pemulihan bekalan

di tujuh wilayah terlibat kini mencapai tahap 98 peratus.

"Bagi kawasan Kuala Lumpur pemulihan bekalan mencapai tahap 99 peratus; Petaling (98 peratus); Klang/Shah Alam (97 peratus) dan Kuala Langat (99 peratus).

"Pihak kami berusaha mempercepatkan pemulihan keseluruhan kawasan dan kerjasama pelanggan sepanjang tempoh pemulihan amat dihargai.

"Bantuan bekalan melalui lori-lori tangki air terus digerakkan dan pusat khidmat setempat (PKS) di kawasan yang masih belum pulih masih diaktifkan sehingga bekalan pulih sepenuhnya," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Dalam pada itu, Abdul Raof berkata, pihaknya memohon maaf atas segala kesu-

litan dihadapi dan pengguna dinasihat menggunakan air dengan berhemat.

• "Pelanggan boleh mendapatkan maklumat dan status terkini pelanggan dengan melayari laman sesawang www.syabas.com.my, Facebook Air Selangor dan Twitter @airselangor atau hubungi di talian 15300," katanya.

Gangguan bermula Ahad lalu melibatkan lebih satu juta akaun pelanggan di Kuala Lumpur dan Selangor.

Ia berikutan pencemaran minyak diesel di Sungai Selangor yang menyebabkan Loji Rawatan Air Sungai Selangor Fasa 1, 2 dan 3 (LRA SSP1, LRA SSP2 dan LRA SSP3) serta Loji Rawatan Air Rantau Panjang terpaksa dihentikan operasi.



KERATAN AKHBAR

25 JULAI 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	SINAR HARIAN
TAJUK BERITA	Loji Langat 2 atasi masalah air
MUKA SURAT	4

Loji Langat 2 atasi masalah air

SINAR HARIAN (4)

4 SOALAN PANDANGAN

Temu bual bersama
NOORAINULYAKEN ISHAK

MASALAH gangguan air yang kerap dialami penduduk Lembah Klang seremangnya membebarkan mereka.

Tahun ini sahaja sudah beberapa kali loji air di Lembah Klang ditutup kerana pencemaran atau masalah teknikal yang dihadapi.

Apakah punca dan masalah sehingga isu itu masih berlaku di Lembah Klang yang mewujudai kepadatan penduduk yang ramai.

Bagi menjelaskan masalah tersebut, *Sinar Harian* meneamu bual Presiden Persatuan Penyelidikan Air dan Tenaga Malaysia (AWER), S Piapakaran.

SINAR HARIAN: Mengapa isu air sering berlaku di Lembah Klang?

PIAPAKARAN: Margin simpanan air di Lembah Klang ketika ini hanya sekitar tiga hingga lima peratus, maksudnya ia tidak cukup untuk tam-pung waktunya kecemasan.

Apabila margin rendah, berlaku situasi seperti sekarang, bekalan air terputus dan bekalan air lambat untuk disambung semula menyebabkan pengguna tidak dapat air dalam tempoh yang lama.

Ditambah pula dengan kejadian paip bocor akibat tekanan tinggi dan sebagainya turut menjadi punca gangguan air berlaku di sesetengah kawasan.

Apakah tindakan yang sepertinya diambil kerajaan negeri dan Persekutuan bagi menangani isu ini?

PIAPAKARAN: Penyelesaian yang pertama, margin simpanan air perlu ditingkatkan kepada 15 peratus

sekurang-kurangnya bagi menampung air untuk penduduk pada waktu kecemasan.

Samparan yang banyak membolehkan air disalurkan dengan segera kepada pengguna dan proses pemuliharaan akan berjalan dengan segera.

Loji Rawatan Air Langat 2 yang dijangka siap pada 2022 diharap menjadi jalan penyelesaian untuk meningkatkan margin simpanan tersebut.

Selain itu, kerajaan perlu tegas mengenakan tindakan kepada kilang-kilang haram yang mungkin menjadi punca pencemaran dalam sungai yang menyalurkan air terawat kepada pengguna.

Mengapakah Loji Rawatan Air Langat 2 mengambil masa yang lama untuk disiapkan?

PIAPAKARAN: Loji Rawatan Air Langat 2 memang suah hampir siap tetapi sistem paip untuk menyalurkan air bersih kepada pengguna belum disediakan menyebabkan ia ditunda kepada 2022.

Kelewatan itu juga menyebabkan pengguna di Lembah Klang lewat memperoleh bekalan air semula jika bertku kebocoran paip atau pencemaran di sungai air terawat.

Ketika ini Loji Rawatan Air Sungai Selangor adalah antara loji terbesar yang menyalurkan 60 peratus air kepada penduduk sekitar Selangor.

Maka apabila sungainya terjejas, banyak kawasan akan terlibat sama dengan gangguan bekalan air.

Adakah gangguan air yang berlaku di Lembah Klang akibat daripada cubaan sabotaj?

PIAPAKARAN: Perkara itu sama ada sabotaj atau tidak, serahkan kepada polis dan agensi berkaitan untuk menjalankan siasatan.

Jika benar salah pihak berkuasa perlu mengkap pihak yang terlibat.





KERATAN AKHBAR 25 JULAI 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	THE STAR
TAJUK BERITA	Water to be fully restored by tomorrow
MUKA SURAT	10

Water to be fully restored by tomorrow

THE STAR (10)

PETALING JAYA: Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) is confident that water supply will be fully restored by 9am tomorrow.

Air Selangor customer relations head Abdul Raof Ahmad said they had revised the time frame following good progress of supply restoration works.

As of 1pm yesterday, the supply was fully restored in Gombak, Hulu Selangor and Kuala Selangor, while restoration to four other affected areas was 98% complete.

Supply was restored to 99% of its customers in Kuala Lumpur, followed by Kuala Langat (99%), Petaling (98%) and Klang, as well as Shah Alam (97%).

Water supply is expected to be fully restored in Kuala Lumpur, Kuala Langat, Klang and Shah Alam by this morning, and in Petaling by tomorrow morning.



KERATAN AKHBAR 25 JULAI 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	THE STAR (STAR METRO)
TAJUK BERITA	'Don't take matters into own hands'
MUKA SURAT	4

'Don't take matters into own hands'

MPSJ councillors reminded they are policymakers, not enforcers

By OH ING YEEN
ingyeen@thestar.com.my

COUNCILLORS should not act on their own or confront wrongdoers.

This was the advice from Subang Jaya Municipal Council (MPSJ) president Noraini Roslan to councillors at the council's monthly fullboard meeting yesterday.

"I appreciate that you want to visit your area to look into issues for yourself but councillors are policymakers. You do not have the power to take action against wrongdoers."

"What if something untoward happens to you?" said Noraini.

MPSJ deputy president Mohd Zulkarnain Che Ali said councillors could only accompany council officers and other relevant authorities in joint operations.

"Councillors do not have the authority to gain entry into any premises nor issue compounds, unlike enforcement officers who carry a 'kad kuasa' (authority card) that allows them to do so," he explained.

Noraini and Mohd Zulkarnain were referring to a case involving councillor Keshminder Singh.

Keshminder said he received a number of complaints about dilapidated shophots in front of the Batu Tiga KTM station after being appointed a councillor 10 years ago.

"The place has been in a bad state for many years, even before I was a councillor.

"I have raised the issue with the relevant department in MPSJ.

"As a councillor for that area, am I supposed to turn a blind eye?

"When I visited the area, there were dogs

“Councillors do not have the authority to gain entry into any premises nor issue compounds, unlike enforcement officers who carry a 'kad kuasa' (authority card) that allows them to do so.

Mohd Zulkarnain Che Ali

and chickens. It is an eyesore and poses a danger to those living in the area as it could also be a breeding ground for mosquitoes," he said.

Keshminder said he did not confront anyone but was instead approached to look into the problem.

According to him, some of the shops were destroyed in a fire and the remaining units belonged to an individual.

The individual apparently contacted the council and was told by an employee that I was the person raising the issue and even provided my name and number.

"He initiated a meeting and while our first few meetings were cordial, he later said he would lodge a police report against me.

"After he threatened to do so, I lodged a police report," said Keshminder.

He said under Act 171 of the Local



Thong being sworn in as MPSJ councillor for Zone 21.

STAR METRO - C4)

Government Act 1976, the Public Authorities Protection Act 1948 [Act 198] guarantees the protection of councillors, (local authority) officers and employees from personal liability.

Prior to the fullboard meeting, Seri Kembangan Village Security and Development Committee (JKKK) chairman Thong



Kim Fatt was sworn in as councillor for Zone 21.

The zone covers Taman Bukit Serdang sections 1 to 3, Taman Serdang Heights (Sungai Kuyoh) sections 1 to 7, Taman Universiti Indah and Seri Kembangan commercial centre.

The seat was left vacant after former councillor Wong Siew Ki resigned to contest the Balakong state assembly seat, which she won.

Councillor for Zone 22, Tai Cheng Heng, oversaw the former's zone during the vacancy.

Thong said he would seek the advice of fellow councillors and Wong to carry out his duties effectively.

"I will need to meet the people there to get to know the places better," he said.

On a separate matter, Noraini said the council would collaborate with non-governmental organisation The Art Market, the Zone 4 residents committee (JKP) and councillors for a Merdeka mural and SJ Riverfront project in USJ 1 next month to beautify the area.

The river reserve would be cleaned and equipped with basic facilities for the public, she added.



KERATAN AKHBAR 25 JULAI 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	THE STAR (STAR METRO)
TAJUK BERITA	Contending with dirty water after disruption
MUKA SURAT	4

Contending with dirty water after disruption

STAR METRO

(4)

By AIDA AHMAD
aidaahmad@thestar.com.my

WHILE water supply to households in numerous parts of Klang Valley has resumed with intermittent or constant supply following disruptions over the past week, consumers in certain areas are now dealing with another related problem: dirty and putrid water streaming out of their taps.

Business owner Jerry Chong from Sri Hartamas, Kuala Lumpur, said the water from his taps had a foul odour and tasted horrible.

"It was fine yesterday but my friend who is a doctor advised me to only drink mineral water for the next two weeks because of the diesel contamination," he said.

The scheduled water cuts by Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn Bhd (Syabas) from July 23 to 26 to facilitate upgrading works at the Sungai Selangor Phase 1 water treatment

plants were scuttled after two incidences of pollution resulted in unplanned disruptions.

The Sungai Selangor Phases 1, 2 and 3 as well as Rantau Panjang water treatment plants were shut down after diesel pollution was detected on Sunday, two days after odour pollution affected over a million customers. (*The Star*, July 22).

Homemaker Chen Pei Yee, who lives in Section U1, Shah Alam, has had to contend with foul smelling water since last week.

"My husband noticed the pungency in the water last week. The pressure was very low but we still had water."

"However, we have been forced to buy and drink bottled water because the water from the pipes, filtered twice with an external filter and one in our kitchen, is still smelly," she said.

Administration staff Nargis Naseer, who lives in SS20, Petaling Jaya, said the water in her house had been brown and dirty since

early last week.

"A few days later, the water seemed normal but then the supply stopped."

"This week, the water streaming out is still dirty. We have to buy mineral water for drinking," said Nargis.

According to Syabas, the percentage of water restoration according to registered customer accounts as at noon yesterday reached 99%.

"Water supply in three regions, namely Gombak, Hulu Selangor, Kuala Selangor, Kuala Langat and Kuala Lumpur has been fully restored while several areas in the remaining two regions (Klang/Shah Alam and Petaling) are still in the process of restoration."

"We are targeting full restoration in all areas by 9am tomorrow," said Air Selangor customer relations and communication department head Abdul Raof Ahmad in a statement.



KERATAN AKHBAR 25 JULAI 2019 (KHAMIS)



AKHBAR	THE STAR
TAJUK BERITA	FAS hope new training complex will raise players and coaches' spirits
MUKA SURAT	46

FAS hope new training complex will raise players and coaches' spirits



THE STAR
(46)

Simple ceremony:
Raja Muda of
Selangor Tengku
Amir Shah Sultan
Sharafuddin Idris
Shah signing a
plaque to celebrate
the launching of the
FAS Training Centre
in Shah Alam
yesterday. —
IZZRAFIQ ALIAS/
The Star

SHAH ALAM: The Football Association of Selangor's (FAS) hope of recapturing their glory days continues to gain traction as they launched their new training and office complex.

The 400,000 square feet facility is located at the SUK Sports Complex in Section 15, Shah Alam.

The facility, named the FAS Training Centre, was officiated by Raja Muda of Selangor Tengku Amir Shah Sultan

Sharafuddin Idris Shah in a simple ceremony yesterday.

"FAS are a huge entity in the Malaysian football scene. Although they have a history of more than 83 years and have enjoyed countless successes in Malaysia, FAS were still operating out of an old office in Kelana Jaya. And the players were training at facilities not befitting the status of a Malaysian football giant," said Tengku Amir.

"I hope this facility can further raise the spirit of the players, coaches and backroom staff into giving their best to the association."

The new facility comes with training pitches, gymnasium, physiotherapy treatment area and office complex.

Meanwhile, Selangor coach B. Sathianathan thanked the management for being attentive to the coaches' needs.

"I think we have one of the

best training pitches in the country now and you can see our players are more comfortable playing with the ball at their feet. I think our passing game is second only to Johor Darul Ta'zim (JDT)," said Sathianathan.

"Proper facilities like these will entice top players to come play for us in the future."

"It's not always about the big salaries, they also want to be taken care of properly by the management."